

Benarkan Islam sedang bangun semula sekarang?

KUALA LUMPUR 19 Ogos - Benarkan umat Islam sekarang sedang mengalami kebangkitan Islam semula atau apa yang berlaku sekarang ialah semata-mata dan sebenarnya umat Islam lebih sesat daripada dahulu?

Presiden UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang menimbulkan persoalan ini dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung ke-34 UMNO Malaysia berkata:

"Semakin ramai orang suka memparikan keislaman mereka dalam cakap-cakap, pakaian dan desakan kepada kerajaan dan masyarakat, tetapi orang yang sama tidak segan-segan dan tidak takut kepada Tuhan sama sekali apabila melemparkan fitnah."

Buruk

"Tanda tanya yang timbul ialah sama ada kita sedang melihat kebangkitan Islam semula, atau apa yang sedang berlaku ialah semata-mata dan sebenarnya umat Islam adalah lebih sesat sekarang daripada dahulu."

"Jika nasib umat Islam diambil kira, kemungkinannya ialah mereka lebih sesat. Adalah mustahil jika ajaran Islam dipatuhi, umat Islam semakin buruk keadaannya," tegas beliau.

Tambahnya, keadaan menjadi lebih buruk dengan pembunuhan dilakukan sesama sendiri, dengan penerusan penjajahan oleh orang lain, dengan kebuluran berlaku di beberapa negara Islam sedangkan banyak negara Islam yang tidak terhingga kekayaannya.